EVOLUSI DEKAD 7

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Cawangan Terengganu



BULETIN IQRA

Perpustakaan Cendekiawan

قرة وستاكان چندكياون

"SUARA ILMU ASPIRASI CENDEKIAWAN"

MEI

2026

PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN
DUNGUN | KUALA TERENGGANU | BUKIT BESI

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

VISI, MISI, MOTO, FALSAFAH & OBJEKTIF

VISI

Universiti unggul pemacu Bumiputera Profesional

MISI

Melonjak keilmuan, adab dan kepakaran bumiputera agar berjiwa usahawan melalui kurikulum termaju, pembangunan bakat, penyelidikan berimpak, dan sinergi industri ke arah kemakmuran tanah air serta kesejahteraan sejagat

MOTO

Usaha, Takwa, Mulia

FALSAFAH

Kita percaya Allah SWT menganugerahi manusia dengan bakat, minat dan kecenderungan yang sekiranya diasuh, dididik dan dilatih dengan sempurna melalui penjanaan, pemindahan dan pengintegrasian ilmu secara terbuka serta penerapan nilai-nilai Islam, mereka berkemampuan menjuarai transformasi diri, masyarakat dan negara

OBJEKTIF

1. **Memperluas akses pendidikan tinggi**
2. **Menyediakan pendidikan terkehadapan bertaraf dunia**
3. **Menawarkan program akademik yang memenuhi keperluan industri yang sentiasa berubah untuk kemajuan negara dan kemakmuran global**
4. **Menggilap kepimpinan graduan holistik, serba boleh dan berciri keusahawanan yang kompetitif sehingga ke peringkat global**
5. **Memperkasa penghayatan falsafah dan nilai warga UiTM melalui program pengukuhan insan dan suri teladan**
6. **Mengungguli kesarjanaan ilmu terkehadapan melalui penyelidikan, inovasi dan pengkomersialan berimpak tinggi serta lestari**
7. **Melebar luas jaringan melalui sinergi bersama alumni, industri, akademia, komuniti dan kerajaan untuk memperkasakan bidang tumpuan strategik universiti**
8. **Menjuarai kecemerlangan organisasi melalui tadbir urus yang efektif dan efisien selari dengan agenda kelestarian global**
9. **Menyediakan infrastruktur kondusif dan ekosistem digital terkehadapan**
10. **Menjana pendapatan, mengurus sumber dan kewangan dengan cekap, telus, berintegriti dan efektif bagi kelestarian organisasi**

Kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) ke-208, bertarikh 23 September 2025

(YBhg. Prof. Datuk Ts. Dr. Shahrin Sahib @ Sahibuddin, FASc)
13 November 2025 | 1447 جمادي الأول 22

Lestari Ilmu, Berjiwa Rakyat

ALUAN KETUA PERPUSTAKAAN CAWANGAN



Bismillahirrahmanirrahim
Assalamualaikum .

Perpustakaan Cendekiawan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu komited dalam menyediakan pelbagai medium bacaan bagi sebarang aktiviti pembudayaan ilmu buat semua pengguna. Melalui revolusi teknologi semasa, penerimaan terhadap bahan bacaan juga harus sejajar dengan minat dan kecenderungan generasi masa kini tidak hanya memfokuskan kepada bahan bacaan bercetak bahkan turut memperkembangkan dan memperluaskan penyediaan terhadap bahan bacaan secara digital.

Semoga edisi Buletin IQRA Perpustakan Cendekiawan kali ini bermanfaat buat semua.

Terima kasih.

PUAN SHAHIDATUL AKHMAM BT RAMBELI

BULETIN IQRA
Perpustakaan Cendekiawan

SIDANG REDAKSI



Penasihat : Puan Shahidatul Akhmam binti Rambeli


Grafik & Isi Kandungan:
- Cik Asmahani Abdullah
- En. Mohd Shahnizam Mat Zain
- Cik Nurmaisari Che Anuar
- En. Ahmad Fathi Azhari

Terbitan:
Perpustakaan Cendekiawan
UiTM Cawangan Terengganu,
23000 Dungun,
Terengganu.
No. Tel: 098400188/190

Hakcipta Terpelihara ©2026
eISSN: 2735-1920

Sebarang pertanyaan/komen/aduan boleh hubungi:
PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN TERENGGANU
JALAN SURA HUJUNG
23000 DUNGUN
TERENGGANU

NO. TEL: 098400 190
EMEL: korporatpuitmct@uitm.edu.my
eISSN: 2773-6407



Perpustakaan Cendekiawan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu menjadikan koleksi penerbitan Buletin Iqra sebagai sebuah penerbitan yang mengumpulkan kesemua aktiviti, buletin, dan peristiwa yang telah berlangsung sepanjang tahun demi memastikan khazanah maklumat Perpustakaan Cendekiawan ini kekal terpelihara. Penerbitan ini berfungsi sebagai bahan arkib perpustakaan yang mendokumentasikan pelbagai program ilmiah, bengkel literasi maklumat, serta pencapaian warga kampus, sekaligus menjadikannya sumber rujukan utama bagi melihat kembali jejak langkah dan perkembangan perpustakaan dari semasa ke semasa.

Di samping itu, inisiatif pengumpulan ini juga mencerminkan komitmen Perpustakaan Cendekiawan UiTMCT dalam menyuburkan budaya ilmu selaras dengan semangat "Iqra". Dengan adanya koleksi yang tersusun rapi ini, ia memudahkan para penyelidik, staf, dan pelajar untuk mengakses informasi lampau serta memahami evolusi perkhidmatan yang ditawarkan. Usaha ini secara tidak langsung mengukuhkan lagi peranan perpustakaan bukan sekadar tempat penyimpanan buku, tetapi sebagai hab penyebaran maklumat yang dinamik dan relevan kepada seluruh komuniti UiTM Cawangan Terengganu.



Pulau Redang

Kuala Terengganu

Kredit: Nazarizal Mohammad

PROGRAM JELAJAH ILMU

MEMBACA MEMBENTUK ADIWANGSA SIRI 3

6 Mei 2026

Oleh : Ahmad Fathi Azhari



Puan Ayuzawahie Amran menyampaikan penerangan ringkas kepada peserta bagi proses pendaftaran.



Puan Norsyida Yusof Ali memberikan taklimat ringkas kepada peserta sebelum menyertai Quiz@ Archieve.

DUNGUN, 6 Mei – Seramai 186 orang pelajar Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu (UiTMCT) telah berkumpul di Perkarangan Kiosk HEA hari ini bagi menjayakan Program Jelajah Ilmu: Membaca Membentuk Adiwangsa Siri 3. Program yang berlangsung dari jam 9.00 pagi hingga 2.00 petang ini dianjurkan khusus untuk menyemarakkan budaya membaca serta meningkatkan literasi maklumat dalam kalangan mahasiswa.

Inisiatif murni yang dibawakan oleh Perpustakaan Cendekaiwan ini membawakan tema Membaca Membentuk Adiwangsa.

Melalui penganjuran siri ketiga ini, pihak perpustakaan komited dalam memainkan peranannya sebagai nadi penggerak yang menyokong penuh pembangunan akademik dan kelestarian ilmu di peringkat universiti.

Penganjuran program ini bukan sekadar aktiviti bermusim, malah ia merupakan satu usaha serampang dua mata untuk melahirkan modal insan yang berkualiti tinggi. Dengan menyuntik minat membaca yang mendalam, program ini diharap mampu membentuk graduan yang bukan sahaja bijak berfikir, malah mempunyai integriti yang tinggi serta mampu berdaya saing di peringkat global.



Puan Shahidatul Akham Rambeli (kanan) bersama Cik Asmahani Abudullah (kiri) mepyampaikan hadiah kepada pemenang bagi Teka Berat Buku.

SCAN ME

SESI LAWATAN AUDIT

INTEGRATED QUALITY MANAGEMENT SYSTEM (IQMS) KITARAN 8/2026 UiTM CAWANGAN TERENGGANU KE PERPUSTAKAAN

6 Mei 2026
Oleh : Ahmad Fathi Azhari



Barisan wakil JKEN UiTMCT dan Staf Perpustakaan bergambar bersama YBrs. Ts. Emilia Abdull Manan, Pensyarah Kanan, Fakulti Seni Lukis & Seni Reka, UiTM Cawangan Kelantan.



Puan Shahidatul Akhmam binti Rambeli menyampaikan maklumat berkenaan koleksi bahan bacaan kepada YBrs. Ts. Emilia Abdull Manan.



Sesi beramah mesra panel penilai audit bersama pelajar yang berada di dalam Perpustakaan Cendekiawan.

DUNGUN, 7 Mei – Perpustakaan Cendekiawan Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu Kampus Dungun (UiTMCTKD) hari ini telah menerima kunjungan panel penilai bagi Sesi Lawatan Audit Integrated Quality Management System (iQMS) Kitaran 8/2026.

Sesi audit yang bermula jam 10.00 pagi itu berjalan dengan lancar melibatkan pihak pengurusan perpustakaan dan penilai yang dilantik. Sesi penilaian bagi kitaran kali ini dikendalikan oleh Panel Penilai iQMS, YBrs. Ts. Emilia Abdull Manan, yang merupakan Pensyarah Kanan dari Fakulti Seni Lukis & Seni Reka, UiTM Cawangan Kelantan. Kehadiran beliau adalah bertujuan untuk menilai, memantau, dan memastikan setiap aspek pengurusan serta kelengkapan fasiliti yang ditawarkan di perpustakaan sentiasa selari dengan standard kualiti tinggi yang telah ditetapkan oleh pihak universiti.

SCAN ME

PROGRAM JEJAK CERIA

A TREASURE OF LOVE VOL.2

13 Mei 2026
Oleh : Ahmad Fathi Azhari



Sesi beramah mesra panel penilai audit bersama pelajar yang berada di dalam Perpustakaan Cendekiawan.



Staf Perpustakaan Cendekiawan membuat persiapan untuk checkpoint aktiviti Speed Reading Challenge

DUNGUN, 13 Mei — Kelab Operation Management Society (OPEMS) dan Kelab Students' Knowledge and Technology Resources (SKATER), dengan kerjasama Perpustakaan Cendekiawan, telah berjaya menganjurkan Program Jejak Ceria: 'A Treasure of Love' Vol. 2.

Program berimpak tinggi ini telah berlangsung di SMK Dato' Engku Bijaya Sura bermula jam 8.30 pagi hingga 2.00 petang, dengan matlamat utama untuk meningkatkan dan memantapkan penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan generasi muda secara interaktif.

Program ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan dengan penglibatan seramai 135 orang pelajar Tingkatan 1 daripada sekolah berkenaan. Kelancaran dan pengurusan program turut dijayakan dengan komitmen jitu daripada 25 orang ahli Kelab OPEMS serta 13 orang ahli Kelab SKATER yang bertindak sebagai fasilitator, sekali gus mempamerkan semangat kesukarelawanan yang tinggi.

SCAN ME

PROGRAM JEJAK CERIA

A TREASURE OF LOVE VOL.2

13 Mei 2026
Oleh : Ahmad Fathi Azhari

Antara pengisian utama yang menjadi tarikan sepanjang program ialah aktiviti "Explorace: Where's the Words". Menariknya, eksplorasi ini turut menampilkan checkpoint khas iaitu "Speed Reading Challenge" yang dikendalikan sepenuhnya oleh Perpustakaan Cendekiawan bagi menguji kepantasan dan kefahaman membaca para peserta. Selain itu, slot drama "Roleplay in English" turut diadakan bagi memberi peluang kepada pelajar menonjolkan bakat lakonan sambil bertutur dalam bahasa Inggeris dengan penuh keyakinan.



En. Wan Mohd Harith memberikan taklimat Speed Reading Challenge sebelum memulakan program



En. Wan Mohd Harith memberikan taklimat Speed Reading Challenge sebelum memulakan program

Selain memperkukuh kemahiran bahasa secara santai dan interaktif, penganjuran program ini terbukti berjaya mengeratkan hubungan silaturahim antara mahasiswa dan pelajar sekolah. Aktiviti berkumpulan yang dirangka bukan sahaja mencabar minda peserta, malah berjaya mengasah bakat kepimpinan, keyakinan diri, serta memupuk semangat kerja berpasukan yang erat dalam kalangan mereka.



En. Abdul Aziz bin Nik Mat, Pengetua SMK Dato' Engku Bijaya Sura menyampaikan hadiah buat para pemenang

Majlis penutup dan penyampaian hadiah kepada para pemenang telah disempurnakan oleh En. Abdul Aziz bin Nik Mat, Pengetua SMK Dato' Engku Bijaya Sura. Secara keseluruhannya, kolaborasi strategik ini bukan sahaja memberi impak positif kepada modul akademik pelajar, malah berjaya mengasah ciri kepimpinan mahasiswa serta mewujudkan hubungan dua hala yang harmoni antara warga universiti dan komuniti sekolah setempat.

SCAN ME

PROGRAM JEJAK CERIA

PERPUSTAKAAN BERSAMA BAHAGIAN PENTADBIRAN UiTMCT

18 Mei 2026
Oleh : Ahmad Fathi Azhari



Puan Shahidatul Akhmam binti Rambeli dan warga Perpustakaan Cendekiawan bergambar bersama staf Pentadbiran UiTMCT



Staf Perpustakaan Cendekiawan memberikan penerangan berkenaan Sistem PERMATA UiTM, koleksi bacaan ELIB PUiTM, semakan akaun perpustakaan serta kaedah pendaftaran rekod bahan bacaan melalui MyReading Records

DUNGUN, 18 Mei — Perpustakaan Cendekiawan telah menganjurkan Program Jelajah Ilmu Siri Bil. 2/2026 bersama Bahagian Pentadbiran UiTM Cawangan Terengganu (UiTMCT). Program "turun padang" ini telah berlangsung di Pejabat Pentadbiran UiTMCT dari jam 11.00 pagi hingga 12.30 tengah hari dan dihadiri oleh seramai 15 orang staf bahagian tersebut.

Melalui program ini, para peserta diberi pendedahan langsung mengenai perkhidmatan perpustakaan digital terkini. Antara pengisian utama termasuklah taklimat akses sistem PERMATA, koleksi bacaan ELIB PUiTM, semakan akaun perpustakaan, serta kaedah pendaftaran rekod bahan bacaan melalui MyReading Records.

Pihak Perpustakaan Cendekiawan merakamkan ucapan terima kasih kepada semua staf yang terlibat. Diharapkan inisiatif seumpama ini dapat terus memperkukuh budaya literasi maklumat dan memudahkan akses ilmu dalam kalangan warga UiTMCT.

SCAN ME

PROGRAM JELAJAH ILMU

MEMBACA MEMBENTUK ADIWANGSA SIRI 4

20 Mei 2026

Oleh : Ahmad Fathi Azhari



En. Nik Ahmad Kamal bersama para peserta Program Jelajal Ilmu siri ke-4



Proses peminjaman bahan bacaan oleh pelajar UiTMCT



Puan Widawati Ariffin membuat semakan bagi Program Membaca Jawi



Pelajar UiTMCT yang melibatakan diri bagi pertandingan Bull Hunter Challege

DUNGUN, 20 Mei — Perpustakaan Cendekiawan UiTM Cawangan Terengganu (UiTMCT) telah berjaya menganjurkan Program Jelajah Ilmu: Membaca Membentuk Adiwangsa Siri 4 bertempat di Laman Kiosk HEA. Program yang berlangsung dari jam 9.00 pagi hingga 2.00 petang ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan dengan kehadiran seramai 110 orang pelajar UiTMCT.

Penganjuran program bertemakan pembudayaan ilmu ini bertujuan untuk menyemarakkan budaya membaca serta meningkatkan literasi maklumat dalam kalangan mahasiswa demi melahirkan graduan yang berkualiti, berintegriti, dan berdaya saing. Inisiatif ini sekali lagi membuktikan komitmen padu Perpustakaan Cendekiawan dalam memperkukuh peranannya sebagai nadi utama yang sentiasa menyokong kecemerlangan pembangunan akademik di peringkat kampus.

SCAN ME

PROJEK SUKARELAWAN PERPUSTAKAAN

PEMPROSESAN TEKNIKAL BUKU PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN UiTM KAMPUS DUNGUN BIL. 1/2026

21 Mei 2026
Oleh : Ahmad Fathi Azhari



Puan Rohaya Razali menunjukkan cara untuk menampal call number kepada ahli Briged Sukarelawan Perpustakaan



Call number baharu yang digunakan akan diukur menggunakan sesiku terlebih dahulu sebelum ditampal pada setiap naskhah buku

DUNGUN, 21 Mei 2026 – Perpustakaan Cendekiawan UiTM Cawangan Terengganu Kampus Dungun (UiTMCTKD) telah berjaya melaksanakan Projek Sukarelawan Perpustakaan: Pemprosesan Teknikal Buku Bil. 1/2026 pada Khamis lalu.

Program dari jam 10.15 pagi hingga 3.00 petang ini melibatkan dua orang pelajar Briged Sukarelawan Perpustakaan dari Fakulti Pengurusan dan Perniagaan iaitu Nur Zatil Ismah binti Mohamad Zakri dan Ainun Maisarah binti Fathullah.

Melalui projek ini, para pelajar berpeluang mengendalikan pemprosesan teknikal koleksi bercetak perpustakaan secara praktikal. Selain memberi pengalaman berharga mengenai pengurusan maklumat, inisiatif ini juga bertujuan memupuk semangat kesukarelawanan yang tinggi dalam kalangan mahasiswa UiTMCT.

Pihak perpustakaan merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga atas komitmen dan sumbangan tenaga yang telah diberikan.

SCAN ME

PROJEK SUKARELAWAN PERPUSTAKAAN

PEMPROSESAN TEKNIKAL BUKU PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN UiTM KAMPUS DUNGUN Bil.2/2026

21 Mei 2026
Oleh : Ahmad Fathi Azhari



Saudara Muhammad Razif Farizal bin Rashid menampal label nombor panggilan (call number) pada koleksi buku perpustakaan.



Call number baharu yang telah siap ditampal

DUNGUN, 24 Mei – Projek Sukarelawan Perpustakaan: Pemprosesan Teknikal Buku Bil. 2/2026 telah berjaya dilaksanakan di Perpustakaan Cendekiawan UiTMCTKD hari ini.

Program tiga jam itu melibatkan saudara Muhammad Razif Farizal bin Rashid, pelajar Pra Diploma Perdagangan, yang meluangkan masa membantu memproses 79 naskhah buku lengkap dengan nombor panggilan (call number) dan label baharu.

Selain memberikan pengalaman praktikal dalam pengurusan koleksi perpustakaan, inisiatif ini bertujuan memupuk semangat kesukarelawanan dan rasa tanggungjawab dalam kalangan mahasiswa. Pihak perpustakaan merakamkan ucapan terima kasih atas dedikasi dan sumbangan yang diberikan.

SCAN ME

SESI LAWATAN AUDIT

INTEGRATED QUALITY MANAGEMENT SYSTEM (IQMS) KITARAN 8/2026 UITM CAWANGAN TERENGGANU KAMPUS BUKIT BESI

6 Mei 2026

Oleh : Norairin Natasya Zulkifli



Ketua Perpustakaan Kampus sedang disoal oleh panel penilai audit

BUKIT BESI, 6 Mei -Perpustakaan Cendekiawan UiTM Terengganu Kampus Bukit Besi telah dilawati oleh tiga panel penilai audit iQMS Kitaran 8 Tahun 2006 pada 6 Mei 2026.

Lawatan yang diketuai oleh Ketua Panel Auditor, Dr. Sheikha Majed dan panel auditor, Ts. Emelia Abdull Manan dan Ts. Dr. Hamizah Mokhtar turut diringi oleh En. Mohd Shahnizam Mat Zain selaku Penyelaras Unit Kualiti dan Ketua Unit Perpustakaan, Dr. Marshahida Mat Yashim, Jawatankuasa Sistem Audit, Dr. Nurulhuda Kamaruzaman, Koordinator Pra-siswazah, Fakulti Sains Gunaan dan Pn. Siti Munirah Muda, Penyelaras Unit Pengurusan Risiko.



Encik Mohd Shahnizam sedang menerangkan dengan lebih mendalam



Panel penilai audit ini mendaftar masuk di Pc Pendaftaran terlebih dahulu

Terima kasih kepada semua pihak yang terlibat atas kerjasama, komitmen dan sokongan yang diberikan sepanjang sesi audit berlangsung.

SCAN ME

SIRI 2:
PROGRAM JELAJAH ILMU @ KOLEJ KERAWANG

13 Mei 2026
Oleh : Nurmaisari Che Anuar

KUALA TERENGGANU, 13 Mei – Perpustakaan Cendekiawan UiTMCT Kampus Kuala Terengganu telah mengadakan Siri 2: Program Jelajah Ilmu @ Kolej Kerawang. Program bermula 9.00 pagi sehingga 1.00 petang di Dewan Lestari.



Para pelajar yang menyokong Jelajah Ilmu di Kolej Kerawang

Program ini dilaksanakan bagi memberi pendedahan kepada pengguna mengenai perkhidmatan Perpustakaan terkini antaranya akses sistem PERMATA, semakan akaun pengguna, serta hebahan mengenai 1 warga 24 naskhah yang didaftarkan di sistem MyReading. Kuiz dan Jom Membaca Jawi turut dilaksanakan bagi menyemarakkan bahasa Jawi dalam diri.



Para staf dan pelajar yang menyertai dan menyokong program



BULETIN IQRA

Perpustakaan Cendekiawan

PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN
DUNGUN | KUALA TERENGGANU | BUKIT BESI